

## UMP mahu jadi pemangkin ECER

KUANTAN 5 Okt. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) melahirkan kesediaan untuk menjadi pemangkin bagi menjayakan pelaksanaan Koridor Pantai Timur (ECER) yang akan dilancarkan di bandar ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akhir bulan ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela berkata, pihaknya bertekad untuk sama-sama berganding bahu dengan kerajaan dalam memacu pembangunan ekonomi, industri dan bidang pendidikan di Pantai Timur.

"Komitmen yang tidak berbehal-bahagi kerajaan terhadap pembangunan universiti ini telah menyuntik semangat warga UMP untuk sama-sama menjayakan agenda mega ini," katanya.

Beliau berucap pada majlis uasa Bersama Majlis Berbuka P Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan di samping itu, turut serta

pada majlis itu, Tengku Puan Pahang, Tengku Azizah Sultan Iskandar dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sulaiman Ahmad Tajuddin

Menurutnya, komitmen yang diberi oleh kerajaan turut menyemarakkan lagi tekad UMP

untuk menjadi sebuah universiti yang unggul, berjenama dan ber taraf dunia.

Dalam pada itu, Tengku Abdullah dalam ucapannya mengingatkan kepada warga UMP agar menghayati semangat Ramadan bagi meningkatkan kualiti diri dan ketakwaan kepada Allah.

Baginda yang juga merupakan Canselor UMP bertitah, bulan Ramadan merupakan bulan terbaik untuk melakukan perubahan terhadap kualiti diri dan tugas yang diamanahkan.

"Semua warga UMP perlu mengambil iktibar dari semangat Ramadan kerana bulan yang mulia ini bukanlah alasan untuk meringan atau menanggukkan kerja masing-masing," titah baginda.

Sementara itu, seramai 60 orang anak yatim daripada Rumah Kanak-Kanak Tengku Ampuan Fatimah, di sini dan Rumah Anak Yatim Nur Hidayah, Bandar Muadzam Shah turut diraikan pada Majlis Berbuka Puaa tersebut.

Kesemua mereka menerima duit raya sebanyak RM100 sumbangan Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) dan juga barangan makanan daripada UMP.

Selain itu, seramai 26 orang pelajar UMP yang kurang berkemampuan turut menerima sumbangan tersebut.